

PERANAN KAUNSELOR DALAM MENANGANI MASALAH PONTENG SEKOLAH

COUNSELOR'S ROLE IN TRUANCY

Siti Hajar Johari¹

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

(Email: p95860@siswa.ukm.edu.my)

Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim²

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

(Email: nisafuad@ukm.edu.my)

Siti Nor Aisyah Akhwan³

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

(Email: p95873@siswa.ukm.edu.my)

Restu Nabila⁴

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

(Email: p95884@siswa.ukm.edu.my)

Jeffery Apdal⁵

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

(Email: p95949@siswa.ukm.edu.my)

Received date: 20-05-2019

Revised date: 30-06-2019

Accepted date: 20-09-2019

Published date: 20-09-2019

To cite this document: Johari, S. H., Karim, D. N. F. M., Akhwan, S. N. A., Nabila, R., & Apdal, J. (2019). Peranan Kaunselor dalam Menangani Masalah Ponteng Sekolah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 367-378.

DOI: 10.35631/IJEPC.4320031

Abstrak: Masalah ponteng sekolah merupakan satu masalah yang serius di dalam dunia pendidikan dan ia memerlukan peranan kaunselor bagi menangani masalah ini di sekolah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami peranan kaunselor bagi menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan mengenalpasti faktor yang menjadi faktor dominan antara empat faktor ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang kaunselor dari tiga buah sekolah yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dan pernah mengendalikan sesi dalam menangani berkaitan isu ponteng sekolah. Data Kajian diperolehi melalui teknik temubual separa berstruktur. Dapatkan menyatakan peranan kaunselor dalam isu ponteng sekolah ialah menjalankan perkhidmatan kaunseling secara profesional bersama pelajar ponteng dan mempelbagaikan program kaunseling yang bersesuaian dengan pelajar ponteng sekolah. Faktor persekitaran pelajar seperti keluarga dan tempat tinggal pelajar dan faktor guru matapelajaran antara faktor dominan penyumbang isu

ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kesimpulannya, hubungan baik antara kaunselor, guru dan pelajar ponteng ini amat perlu bagi membendung isu ini dari berlarutan. Kajian ini memberikan implikasi kepada bidang keilmuan dan amalan kaunseling dan implikasi kepada penyelidik akan datang. Maklumat daripada kajian ini boleh digunakan oleh kaunselor sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah sebagai salah satu langkah untuk membendung budaya ponteng sekolah.

Kata Kunci: Ponteng Sekolah, Peranan Kaunselor, Persekutaran Pelajar

Abstract: The problem of truancy is a serious problem in the world of education, and it requires a counselor to address this problem at the school. Therefore, this study aims to understand the role of counselor to address truancy among secondary school students and identifying factors that the dominant factor among the four factors of truancy among secondary school students. This study used a qualitative case study approach. Study participants consisted of three counselors from three schools who had experienced of over 10 years and had handling the session to address the issue of truancy. Study data was obtained through semi-structured interview technique. The results indicated that the issue of the role of counselor in delinquency counseling service is run professionally with students skipping and diversifying counseling programs that are appropriate to student truancy. Environmental factors such as family and student residence of students and teachers between the dominant factor contributing subjects the issue of truancy among secondary school students. In conclusion, the relationship between a counselor, teacher and student absenteeism are essential to curb the issue of protracted. The study provides implications for the field of science and practice of counseling and implications for future research. Information from this study can be used by school counselors, whether at the primary and secondary schools as a measure to curb the culture of school absenteeism.

Keywords: Truancy, Counselor's Role, Student's Environment

Pengenalan

Bimbingan dan Kaunseling di sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam isu ponteng sekolah ini. Kaunseling merangkumi pelbagai bidang perkhidmatan yang diperlukan oleh individu, pelajar dan juga seluruh masyarakat. Fungsi kaunselor di sekolah bukan sekadar menjalankan perkhidmatan kaunseling secara professional kepada pelajar bahkan turut membantu guru dalam usaha pemupukan dan penyuburan nilai-nilai murni di sekolah. Tugas kaunselor di sekolah merupakan pembimbing, pemegang amanah ibubapa untuk mendidik anak-anak dan penggerak pembangunan kemajuan sekolah. Kaunselor berperanan dalam menyelesaikan isu ini dengan mengadakan pelbagai program kaunseling bersama pelajar yang ponteng sekolah seperti menjalankan perkhidmatan kaunseling individu dan kelompok, kerjaya, psikososial dan pembangunan diri murid (Sapora Sipon,2010). Usaha berterusan ini boleh dilakukan melalui ceramah, kursus, program seminar, kem-kem motivasi, bengkel dan latihan dalam kumpulan pelajar yang dikenalpasti di sekolah terutamanya untuk pelajar yang terlibat dengan masalah ponteng sekolah (Roslee & Mohamed Sharif,2011).

Ponteng diklasifikasikan sebagai tindakan salahlaku sosial didalam pendidikan (Jonathan W Shute et al,2015). Ponteng sekolah merupakan salah satu permasalahan yang cukup serius di dunia pendidikan (Mustaffa & Jamil,2012). Kes ponteng sekolah ini sudah terjadi sejak berpuluhan-puluhan tahun yang lalu dan pelbagai cara telah dilakukan untuk mengurangkan kes ponteng sekolah, namun isu ini tetap berlaku (Diana Wulandri et al 2018) baik di sekolah rendah


mahupun sekolah menengah (Ainonmadiah et al 2016). Pelbagai faktor penyebab kepada gegala ponteng sekolah ini antaranya faktor guru, ibubapa, persekitaran dan juga faktor diri pelajar itu sendiri. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap ponteng berdasarkan jantina dan aliran mata pelajaran (Ainonmadiah et al 2016). Gegala ponteng sekolah ini mengundang pelbagai masalah sosial di kalangan remaja (Ahmad Firdaus et al 2016). Ia mengundang kepada masalah penggunaan dadah di kalangan remaja, masalah vandalisme dan masalah pelacuran di usia muda (Asmaliah Ismail,2017)

Memandangkan salah laku ponteng sekolah berada pada tahap membimbangkan guru-guru pada masa kini (Rogers,2014), maka seharusnya kebimbangan ini perlu di atasi segera kerana salah laku ponteng sekolah akan mempengaruhi kemerosotan akademik dan masa depan pelajar dalam membangunkan generasi yang mementingkan ilmu pada masa hadapan (Azimi et al,2012). Justeru itu, peranan seorang kaunselor amat penting dalam melaksanakan agenda ke arah melahirkan pelajar yang berpotensi tinggi bukan sahaja dari segi akademik malah dalam semua aspek diri pelajar.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami peranan kaunselor dalam menangani isu ponteng sekolah dan mengenalpasti faktor dominan punca ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah.

Kerangka Teoritikal

Dalam kajian ini, pada asasnya penyelidik tidak memegang mana-mana teori untuk dijadikan landasan kepada kajian kerana kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes. Namun begitu, perkara utama yang menjadi asas kepada penyelidik dimana penyelidik harus mengenepikan, menangguhkan tanggapan dan kepercayaan-kepercayaan awal dalam proses kajian ini. Perkara ini sangat penting kerana melalui cara ini penyelidik membenarkan maklumat-maklumat baru untuk muncul (Strauss & Corbin, 1998).




Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

Rajah 1.1 Kerangka teori kajian ini menunjukkan konsep makna dan perkaitannya dengan tingkahlaku dan pemikiran bagi kaunselor dalam menangani isu ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah. Ringkasnya, penyelidik dapat mengenalpasti ketiga-tiga konsep teori ini. Konsep teori ini ialah;

- Apabila kaunselor bertingkah laku professional dan berkarakteristik, maka segala isu permasalahan ponteng sekolah dapat di uruskan dengan baik. Peranan kaunselor amat penting dalam menangani masalah ponteng ini.
- Pemikiran yang matang pula datang daripada tingkahlaku yang baik dan positif. Setiap permasalahan ponteng sekolah dapat di tangani dengan baik dan betul.
- Makna amat berkait rapat dengan tingkahlaku dan pemikiran. Ia akan menggerakkan satu daya motivasi dan tindakan rasional kaunselor dalam menangani masalah ponteng sekolah ini.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka Konseptual merupakan salah satu alat yang memudahkan proses menganalisis data terutamanya pengkodan data dilakukan (Dharatunnisa,2017). Data akan dikod berdasarkan apa yang telah dikonsepsikan melalui kerangka konseptual (Blomberg & Volpe,2008) Kerangka konseptual kajian ini diilustrasikan seperti Rajah 1.



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 menggambarkan secara ringkas kerangka konseptual kajian yang di jalankan. Penyelidik membuat pemerhatian di atas isu ponteng sekolah di sekolah-sekolah yang terpilih dan membuat pengumpulan data dengan membuat temubual separa berstruktur bersama kaunselor-kaunselor yang dipilih sebagai peserta kajian dan penyelidik membuat analisis kandungan dokumenn yang dikumpulkan.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif adalah berasaskan kepada falsafah konstruktivis, dimana penumpuan diberikan kepada bagaimana sosiobudaya yang kompleks dilalui, diterjemah dan difahami dalam konteks tertentu pada waktu yang tertentu (Blomberg & Volpe,2008). Kajian kualitatif cenderung untuk menzahirkan masalah kajian yang melibatkan penerokaan dimana hanya segelintir sahaja yang tahu dan benar-benar memahami tentang masalah dan fenomena yang berlaku (Creswell, 2008; Dharatun Nisa,2017).

Kriteria-kriteria yang terkandung dalam pendekatan kualitatif ini bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik. Kriteria ini termasuklah;

- a) memahami proses kejadian dan tindakan yang terlibat, dimana peserta kajian yang terlibat dengan isu ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah sahaja yang mampu menzahirkan, menterjemah dan memahami isu yang timbul,
- b) memahami perkembangan sesuatu perkara dengan melihat proses peserta kajian berdaya tindak dalam berhadapan dengan situasi mencabar yang dialami sepanjang mengendalikan kes ponteng sekolah di kalangan pelajar.

Dalam rangka rekabentuk kualitatif kajian ini, Kajian kes adalah rekabentuk yang sesuai bagi kajian ini. Tujuan utama kajian kes ini membolehkan penyelidik menyelidik, memerhati dan menganalisis peranan dan faktor dominan ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah secara tringulasi iaitu pengumpulan data dari sumber pemerhatian, temubual secara terbuka dan analisis kandungan dokumen. Penyelidik menggunakan temubual separa berstruktur untuk mendapatkan data kajian daripada tiga peserta kajian. Hasil temubual telah di transkrip dan di analisis secara manual dengan menggunakan kaedah tematik.

Persampelan kajian

Pendekatan kajian kes menggunakan persampelan yang melibatkan peserta kajian yang terlibat secara langsung akan kajian ini. Seperti yang dinyatakan oleh Merriam (2009), persampelan bertujuan adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa penyelidik ingin meneroka, menentukan dan mendapat persepsi yang jelas. Oleh itu, sampel perlulah dipilih dalam kalangan mereka yang paling banyak boleh dipelajari. Teknik ini dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan data yang kaya dan tebal (Carey, 2012). Kriteria yang ditetapkan adalah;

1) Peserta kajian merupakan tiga orang kaunselor sekolah yang mengajar di salah sebuah daerah di Johor. 2) Peserta yang terpilih adalah dari dua buah sekolah kawasan bandar dan seorang dari kawasan luar bandar. Pemilihan dua kawasan yang berbeza adalah penyelidik ingin memerhati trend ponteng sekolah di kalangan pelajar kawasan bandar dan luar bandar. Pemilihan tiga peserta kajian adalah berdasarkan kepada kriteria i) tempoh pengalaman bekerja sebagai kaunselor lebih dari 10 tahun dan ii) pernah mengendalikan kes ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah. iii) peserta merupakan rujukan sekolah dalam isu ponteng sekolah. Dalam kajian ini, penyelidik tidak menetapkan umur bagi kaunselor yang terpilih sebagai peserta kajian.

Dapatan Kajian

Peserta kajian yang dipilih merupakan kaunselor daripada tiga buah sekolah menengah kawasan bandar dan luar bandar. Peserta kajian adalah tiga orang kaunselor yang telah berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang kaunseling sekolah. Tiga Peserta Kajian ini juga terlibat secara langsung dalam isu ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sembilan tema utama telah muncul yang menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Tiga tema telah muncul daripada persoalan kajian berkaitan persepsi seorang kaunselor terhadap ponteng sekolah, Tiga tema muncul bagi persoalan kajian

berfokus kepada peranan kaunselor dalam menangani masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah, dan empat tema dalam persoalan kajian ketiga iaitu faktor ponteng sekolah dalam kalangan pelajar ponteng sekolah. Rajah 2 menunjukkan perincian tema yang telah muncul hasil dari analisis data.



Rajah 2: Ringkasan Dapatan Kajian Ponteng Sekolah

Persepsi Kaunselor

Persepsi Kaunselor dalam kajian ini merujuk kepada pandangan dan makna ponteng dalam diri kaunselor sendiri. Tiga tema telah muncul dalam persepsi kaunselor iaitu isu yang serius, banyak aduan daripada pihak sekolah dan pelajar lelaki lebih ramai yang terlibat dalam isu ponteng sekolah ini.

Isu Yang Serius

Tema isu yang serius ini adalah merujuk kepada satu masalah sejagat yang serius di hadapi oleh pihak sekolah. Peserta kajian menyatakan isu ponteng ini adalah serius berlaku di sekolah dan ini dapat dibuktikan melalui temubual seperti berikut;

oo..bagi saya ponteng sekolah itu sangat serius
kalangan pelajar sekolah menengah

[PK1/T1/B17]

Sedikit serius juga...kerana ini dapatan saya selama 12 bulan disini,

[PK2/T2/B23]

Banyak Aduan Daripada Pihak Sekolah

Banyak aduan daripada pihak sekolah bermaksud isu ini sangat banyak aduan daripada pihak guru dan juga pentadbiran sekolah. Ponteng sekolah membawa isu yang serius yang melibatkan banyak salah laku disiplin pelajar seperti dadah dan gangsterism. Bagi peserta kajian, aduan daripada pihak sekolah merujuk kepada aduan daripada pihak guru kelas dan juga Penolong Kanan Hal Ehwal Murid. Ia dapat dibuktikan dalam dapatan sesi temubual seperti berikut:

saya banyak terima aduan daripada ketua kelas
juga guru kelas akan pelajar yang ponteng kelas mereka setiap hari.
[PK1/T1/B21.22]

saya dapat ini hasil dapatan dari Guru Hal Ehwal Murid
dan Guru Kelas pelajar tersebut.
[PK2/T1/B30]

oo.. ini hasil aduan daripada Guru Penolong Kanan
dan juga Pengawas sekolah.

[PK3/T1/B22]

Jantina yang Terlibat

Tema seterusnya ialah pelajar lelaki ramai yang terlibat dalam ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah. Ia merujuk kepada kekerapan perbezaan jantina dalam isu ini. Ini dapat di buktikan daripada hasil temubual bersama peserta kajian:

kebanyakan pelajar yang ponteng adalah pelajar lelaki.

[PK1/T1/B29]

pelajar yang ponteng adalah pelajar yang sama sahaja dan merupakan pelajar yang bermasalah dari segi sikap dan disiplin diri. dan mereka adalah pelajar lelaki.

[PK2/T2/B23.24]

ramai pelajar lelaki yang terlibat dalam masalah ini.

[PK3/T1/B23]

Faktor Ponteng Sekolah

Persoalan kedua dalam kajian ini berfokus kepada faktor ponteng sekolah yang menjadi punca utama kepada masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah. Dapatkan menunjukkan empat tema utama telah diperolehi iaitu umur, persekitaran pelajar, keluarga dan personaliti.

Umur

Masalah perbezaan umur dalam kalangan pelajar memainkan peranan penting dalam menjadi punca kepada masalah ini. Mengikut pandangan peserta kajian, umur yang terlibat ponteng sekolah ini adalah antara umur 13 hingga 17 tahun. Ini dapat di buktikan dengan hasil temubual:

Pada pandangan saya, masalah ponteng bagi sekolah menengah ini adalah bergantung kepada faktor umur pelajar.

[PK1/T2/B43.44]

umur 13-15 tahun, kebanyakan mereka yang terlibat ponteng

[PK1/T2/B45]

bagi umur 16-17 tahun pula, kebanyakkan mereka sudah tidak berminat untuk datang ke sekolah.”

[PK1/T2/B49]

Persekutaran Pelajar

Dalam kajian ini, persekitaran pelajar merujuk kepada kawasan tempat tinggal pelajar yang tidak sihat, terdedah dengan gejala sosial seperti tinggal di kawasan setinggan dengan kewujudan pusat-pusat hiburan. Ini disokong dengan pernyataan peserta kajian;

 juga keadaan persekitaran rumah yang banyak terdedah kepada perkara negatif seperti penagihan dadah, dikawasan setinggan dan ekonomi keluarga.

[PK1/T2/B46.47]

 kemudahan-kemudahan hiburan di sekeliling mereka

[PK2/T1/B40]

 persekitaran mereka memainkan peranan, rumah yang terdedah kepada persekitaran yang kurang sihat.

[PK3/T1/B45.]

Keluarga

Keluarga merujuk kepada peranan ibubapa dalam memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk peribadi remaja. Menurut peserta kajian, merujuk kepada keadaan institusi keluarga pelajar yang bermasalah seperti keluarga yang telah bercerai, tiadanya sokongan dari keluarga serta kewangan keluarga. Hasil temubual dibawah dapat membuktikan pernyataan ini;

 kebanyakan mereka yang terlibat ponteng ini adalah masalah keluarga seperti penceraian ibubapa, tiada sokongan moral daripada ibubapa.

[PK1/T2/B45]

 dapatan saya terhadap pelajar yang ponteng itu ialah pertama sekali adalah faktor ibubapa atau keluarga lah

[PK2/T2/B36]

 keluarga miskin atau sederhana ialah faktor ekonomi keluarga

[PK2/T2/B38]

Personaliti

Personaliti ini merujuk kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku yang ditujukan kepada pelajar yang terlibat dalam ponteng sekolah. Pada pandangan peserta kajian, personaliti pelajar yg berfikiran negatif menggalakkan lagi pelajar untuk ponteng sekolah.

 Mereka beranggapan sekolah ini leceh dan juga pelbagai persepsi negatif tentang sekolah

[PK1/T1/B50]

beranggapan kenapa nak pergi sekolah kerana mereka mempunyai duit yang banyak.

[PK2/T2/B50]

Peranan Kaunselor

Persoalan kajian yang ketiga melihat kepada peranan kaunselor di sekolah dalam menangani masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah. Terdapat dua tema telah muncul dalam persoalan kajian ini. Tema yang diperolehi ialah prosedur peraturan sekolah dan intervensi program yang dijalankan oleh pihak kaunseling sekolah seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan program kaunseling bersama komuniti sekolah.

Prosedur Peraturan Sekolah

Tema ini merujuk kepada prosedur pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan prosedur pihak sekolah sendiri dalam menangani masalah disiplin di sekolah. Hal ini dapat dibuktikan dengan penyataaan daripada peserta kajian dalam temubual yang telah dijalankan;

untuk kes tertentu seperti ponteng sekolah ini,
pihak saya akan memberi surat amaran dahulu sebanyak
3 kali, kami juga akan membuat lawatan ke rumah
pelajar yang terlibat ponteng ini.

[PK1/T1/B33.34]

Saya juga membuat lawatan ke rumah pelajar sekolah
yang ponteng bersama GPK HEM dan polis angkat sekolah ini

[PK2/T1/B52.53]

Intervensi Program

Intervensi program merujuk kepada gerak kerja badan kaunseling sekolah terhadap masalah ponteng sekolah. Antara intervensi yang dilakukan oleh pihak kaunselor sekolah adalah kaunseling individu, kaunseling kelompok dan program bersama komuniti dalam menangani masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah.

Kaunseling individu dan kelompok melibatkan sesi secara individu dan kelompok antara kaunselor dan pelajar yang bermasalah. Hal ini dapat dibuktikan dengan dapatan sesi temubual bersama peserta kajian;

kami juga mengadakan sesi kaunseling individu dan
juga kelompok untuk pelajar ponteng ini seiring dengan
surat amaran yang diberikan

[PK1/T1/B35.36]

Pada dasarnya saya mengamalkan sesi individu
atau kelompok bergantung kepada situasi si pelaku

[PK2/T1/B51.52]

Saya lebih gemar melakukan kaunseling kelompok
berbanding dengan kaunseling individu bersama pelajar
bermasalah

[PK3/T2/B40.41]

kumpulkan mereka secara kelompok dan disitu kami menjalani intervensi dan sesi bersama. Harapan kami apabila mengadakan kaunseling kelompok ini, Pelajar-pelajar yang bermasalah ini akan berperasaan ada insan yang mengambil berat atas mereka dan berjaya mengubah sikap dari kurang baik ke lebih baik

[PK2/T2/B56.57]

Program Bersama Komuniti

Program bersama Komuniti merupakan program kaunselor bersama ibubapa dan masyarakat sekolah dalam menangani masalah ponteng sekolah. Ini daptan daripada hasil temubual;

kami juga melakukan konsultasi bersama ibubapa pelajar atau semasa hari bertemu pelanggan, kami akan adakan sesi bersama ibubapa akan kepentingan ke sekolah.

[PK1/T2/B39.40]

Perbincangan

Persepsi peserta kajian terhadap perbezaan jantina memainkan peranan dalam mempengaruhi faktor gegala ponteng sekolah. Ini selari dptan kajian Arsaythamby & Ng Chooi Kim (2014) pelajar lelaki adalah seramai 18 (52.9%) lebih ramai ponteng sekolah berbanding pelajar perempuan 16 (47.1%) dan juga dptan kajian Ainonmadiah et al (2016) terdapat hubungan signifikan antara ponteng berdasarkan jantina dan aliran matapelajaran.

Dptan kajian ini menunjukkan setiap umur remaja dari awal remaja ke pertengahan remaja memainkan peranan dalam masalah ponteng sekolah. Umur awal remaja, 13-14 tahun lebih menjurus kepada masalah keluarga manakala umur pertengahan remaja, 15-17 tahun lebih kearah pesonaliti pelajar itu sendiri seperti kebosanan dan bekerja di ladang-ladang sawit. Kajian ini berbeza dengan kajian Johari Hasan & Nik Selma (2010) yang menjadikan faktor pelajar ponteng sekolah merupakan pelajar malas. Memandangkan lokasi kajian adalah di kawasan pinggir bandar, permasalahan ponteng sekolah di kalangan pelajar peserta kajian adalah berpunca kepada persekitaran pelajar yang terbuka kepada pekerjaan seperti bekerja di ladang sebagai pekerja ladang sawit. Ini berbeza dengan permasalahan ponteng di kawasan bandar yang lebih menjurus kepada masalah rakan sebaya dan pusat-pusat hiburan yang berleluasa. Pelajar bandar lebih utamakan hiburan berbanding dengan pelajar luar bandar yang lebih mementingkan sara hidup (Suhaiza Zainoldin,2009) Kajian Muhammed Sharif dan Suria (2012) menyokong hasil dptan kajian ini iaitu menunjukkan aspek diri pelajar merupakan salah satu punca utama ponteng sekolah.

Dalam menangani isu ponteng sekolah ini, peranan seorang kaunselor adalah amat penting. Kaunselor berperanan menerapkan nilai-nilai murni secara langsung dan tidak langsung kepada pelajar (Roslee Ahmad & Mohamed,2011). Konsep perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah sebagai perkhimat yang mesra murid, rakan guru, ibubapa dan masyarakat. Menerusi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, ia boleh membantu murid meningkatkan keupayaan berfikir dan bertindak secara positif dan berkesan (Sapora Sipon, 2012). Setiap intervensi yang di jalankan oleh pihak kaunselor sekolah seperti bimbingan kaunseling secara individu merupakan satu cara yang berkesan dalam menangani kes masalah ponteng sekolah.

Pendekatan kaunseling individu didapati lebih sesuai diaplikasikan pada peringkat ibubapa, mahupun guru. Apabila pendekatan ini difahami, ia mampu memberikan sumbangan besar bagi membentuk kehidupan yang harmoni dan mengelak daripada berlakunya pertelingkahan atau perselisihan faham (Syukarmi Zakaria,2016).

Kesimpulan

Kajian yang dilakukan telah memberi gambaran tentang peranan kaunselor dalam sekolah amatlah penting dalam menangani sikap dan disiplin pelajar di sekolah. Perbezaan umur pelajar, persekitaran, keluarga dan personaliti pelajar merupakan faktor utama punca ponteng sekolah. Peranan kaunselor membuat intervensi program seperti kaunseling individu dan kelompok dan juga bersama komuniti bagi membantu penyelesaian masalah isu ini. Pihak pentadbiran sekolah, guru, ibubapa dan komuniti setempat harus bekerjasama dalam membendung isu ini dari berlarutan.

Maklumat daripada kajian ini boleh digunakan oleh kaunselor sekolah sama ada yang di peringkat sekolah rendah atau di peringkat sekolah menengah sebagai salah satu langkah untuk membendung budaya ponteng sekolah. Memandangkan kajian ini hanya melihat kepada peranan kaunselor, pengkaji akan datang boleh mempertimbangkan untuk melakukan kajian lanjutan tentang pendekatan dan strategi kaunseling yang digunakan dalam mengendalikan sesi kaunseling.

Rujukan

- Bowen, G. L., & Martin, J. A. (2011). The Resiliency Model of Role Performance for Service Members, Veterans, and their Families: A Focus on Social Connections and Individual Assets. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 21(2), 162-178. doi: 10.1080/10911359.2011.546198
- Chong, A. M., Lee, P. G., & Roslan, S. (2015). Emotional Intelligence and At-Risk Students. <https://doi.org/10.1177/2158244014564768>
- Comer, L. G. (2017). A Study of the WV Judges ‘Truancy Program Used in Eight WV Counties from 2012-2015’, Marshall University,29-30
- Dharatunnisa Puad Mohd Kari (2017) Strategi Daya tindak dalam Kalangan Ibu Tunggal Kematian Pasangan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Doll, J. J., Eslami, Z., & Walters, L. (2013). Understanding Why Students Drop Out of High School, According to Their Own Reports. *SAGE Open*, 3(4), 215824401350383. <https://doi.org/10.1177/2158244013503834>
- Manukaram, K., Melissa Ng Lee Yen Abdullah, & Shahizan Hasan. (2014). Pengaruh Faktor Psikologi Terhadap Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Rendah (the Influence of Psychological Factors on Primary School Pupils’ Self-Regulated Learning). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29, 39–54. Retrieved from [http://apjee.usm.my/APJEE_29_2014/Art 3\(39-54\).pdf](http://apjee.usm.my/APJEE_29_2014/Art 3(39-54).pdf)
- Mohd Syukarmi Bin Zakaria. (2016). Pengalaman Kaunseling Individu dan Kesannya Terhadap Perkembangan Sahsiah Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia. Universiti Putra Malaysia,
- Mohd. Nawawi, A., Mohd, A., Md. Saad, N., Baharuddin, J., & Ismail, S. N. (2017). Hubungan antara Gaya pengajaran guru dengan tahap ponteng sekolah menengah di Daerah Bachok, Kelantan. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.503>
- Nita, R. W., & Zaini, A. (2017). Analisis Aplikasi Sosiometri Untuk Pengungkapan Interpersonal Skill (Solusi yang Ditawarkan Menuju Profesionalisme Guru BK). 4–6.

- Norsiah Wahab (2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ponteng di sekolah menengah Daerah Segama. Proceedings of ICECRS.1(1)
- Rogers, A. (2018). Absence and Presence—Carl Rogers in 2013. *Self & Society*, 41(2), 33–37. <https://doi.org/10.1080/03060497.2014.11084341>
- Rutsala, V. (2018). Being Away. *The Iowa Review*, Vol. 1, pp. 8–8. <https://doi.org/10.17077/0021-065x.1073>
- Sapora Sipon (2012). Peranan Kaunselor dan Masalah Keruntuhan Moral Pelajar, Pemimpin Berciri Kaunselor, Menangani Kegawatan Sosial, Bab 8,86-89
- Veloo, A., & Kim, N. C. (2014). Jenis Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Sabah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29(2014), 125–139.
- Wardatul, Nooraini, Siti Shariah, & Mohd Nasrul (2016). Hubungan Antara Kesedaran Kendiri Dengan Teori Kognitif Sosial, Teori Goleman Dan Teori Astin (Relationship Between Self Awareness to the Cognitive Social Theory, Goleman Theory and Theory Astin). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(2), 62–68. Retrieved from [http://gbse.com.my/isijune16v2/GBSE 2\(2\) 62-68 \(June 2016\).pdf](http://gbse.com.my/isijune16v2/GBSE 2(2) 62-68 (June 2016).pdf)
- Wulandari Lee Jun Choi Sawan, D., & Syawal Narawi ABSTRAK, M. (2018). Pengaruh Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Gejala Ponteng Sekolah. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(2). Retrieved from http://jesoc.com/wp/2018/04/KC9.2_4.pdf
- Yusri, Y., & Yendi, F. M. (2017). Pelatihan Pemanfaatan Program Analisis Sosiometri dalam Pelayanan Bimbingan dan Konseling bagi Konselor. *Jurnal Aplikasi IPTEK Indonesia*, 1(1), 35–45. <https://doi.org/10.24036/4.115>